

Guide for Success Stories

Kisah Kejayaan


The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1Malaysia Kg Paya Mengkuang
Location Lokasi	Kampung Paya Mengkuang, Pendang Kedah
Name of person(s) Nama	Mohd Khairul Fitri Bin Zakaria
Details of person (s) Butiran diri	Umur: 14 tahun. Jantina: Lelaki Pendidikan: Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5, Jalan Jeniang, Gurun Kedah Darul Aman.
Success story Kisah kejayaan	<p>Internet sememangnya penting dalam kehidupan di zaman ini. Khairul Fitri menyedari bahawa internet adalah satu kemudahan yang tidak boleh diabaikan penggunaannya terutama bagi pelajar. Banyak ilmu yang boleh dipelajari menerusi internet.</p> <p>Kemahiran menguasai internet amat diperlukan oleh Khairul Fitri terutamanya dalam mencari bahan bacaan dan sumber rujukan untuk membuat tugas sekolah yang diamanahkan oleh guru. Contohnya , Khairul Fitri menggunakan enjin carian Google untuk mencari contoh karangan pendek, sajak, dan sebagainya untuk panduan beliau menghasilkan karangan yang baik.</p> <p>Dengan internet, Khairul Fitri dapat belajar pelbagai cabang ilmu melalui carian internet. Banyak koleksi karangan, rencana dan artikel yang menarik di laman web pendidikan atau blog pembelajaran. Dengan itu, beliau tidak pernah melepaskan peluang untuk menghadiri kelas-kelas dan latihan pembelajaran yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Paya Mengkuang seperti aplikasi penggunaan Microsoft office, adobe photoshop, latihan I-Trim (Unicliq), kedah e-tutor, pembikinan movie maker serta program-program yang sering diadakan di PI1M contohnya klik dengan bijak dan sebagainya.</p> <p>Kemudahan internet digunakan sebaiknya oleh beliau untuk mengetahui tips-tips atau langkah-langkah pembelajaran yang sebaiknya.Kini beliau berada di tahap mahir dalam penggunaan computer dan ict di atas tunjuk ajar daripada petugas PI1M . Beliau juga telah diiktiraf sebagai seorang ahli berdaftar PI1M Kg Paya Mengkuang yang aktif dan pernah mendapat anugerah daripada PI1M kerana</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	beliau kerap mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan di PI1M.
Keterangan gambar Photo caption	<p data-bbox="425 340 1460 910"></p> <p data-bbox="425 910 1428 1015">1. Gambar menunjukkan ini adalah adik Mohd Khairul Fitri bin Zakaria yang sedang bertanya dan memberikan jawapan dalam masa yang sama di dalam kelas. Sesi soal jawab</p> <p data-bbox="425 1043 1460 1634"></p> <p data-bbox="425 1634 1460 1740">2. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas pembelajaran i-trim (unicliq) peringkat sekolah menengah. Ini adalah kelas latihan pendidikan atas talian.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>3. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas teknik penggunaan tool pada adobe photoshop. Kelas-kelas sebegini sering diadakan bagi memantapkan tahap dan memperingatkan peserta dalam teknik menggunakan tool-tool yang terdapat dalam adobe photoshop</p>
	 <p>4. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas pembikinan klip video dengan menggunakan movie maker. Pelajar telah diarahkan untuk membuat satu video mengenai peralatan ICT dengan hanya memasukkan gambar , ulasan dan fungsi-fungsi peralatan tersebut.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>5. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas publisher membina kad jemputan iaitu invitation card.</p>
	 <p>6. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas kedah e-tuor iaitu pembelajaran atas talian. Kelas sebegini sering diadakan untuk melatih pelajar dalam pelajaran. Selain belajar di sekolah mereka juga dapat belajar di PI1M dengan menggunakan kedah e-tutor dan sebagainya lagi.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>7. Gambar menunjukkan khairul fitri sedang mengikuti kelas latihan penggunaan Microsoft excel. Mereka telah dilatih untuk menggunakan excel dalam membina jadual , membuat kira-kira, membina carta dan sebagainya lagi.</p>
	 <p>8. Gambar menunjukkan petugas sedang menerangkan kepada khairul fitri mengenai teknik menggunakan tool yang dipelajari dalam kelas adobe photoshop dengan baik</p>
Feedback Maklumbalas	<p>Beliau telah mengutarakan pendapat beliau yang tersendiri mengenai kewujudan Pusat internet 1malaysia kampong paya mengkuang. Beliau berpendapat PI1M merupakan suatu pusat atau tempat untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam sesebuah komuniti kampong disamping itu turut menjadi tempat untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan belajar sesuatu yang baharu terutamanya dalam bidang ICT serta dapat berkong-kongsi</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>maklumat diantara ahli-ahli dan peserta kelas dan juga petugas PI1M.</p> <p>Tegas beliau, dia amat bersyukur kerana dengan adanya PI1M di kampong ini akan lebih memudahkan beliau dalam urusan yang melibatkan e-learning, pembelajaran atas talian, imformasi atau maklumat daripada enjin carian google dan sebagainya lagi.</p> <p>Beliau berpendapat, PI1M adalah suatu tempat di mana beliau mendapat peluang untuk belajar dengan kos yang rendah menggunakan internet. Contohnya, memanfaatkan PI1M untuk belajar daripada asas menaip sehingga Berjaya menguasai semua bidang pendidikan yang telah ditunjuk ajar daripada petugas PI1M kepada beliau hingga mencapai ke tahap yang mahir.</p> <p>Mengakhiri bicara, Khairul Fitri amat mengharapkan agar pusat internet 1malaysia kampong paya mengkuang akan terus dikenalkan kerana beliau yakin PI1M dapat memberi manfaat yang sepenuhnya kepada komuniti serta melahirkan warga komuniti yang bijak celik dan cilik IT.</p>

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**